

**Pas Hanya Retorik Politik Menegakkan Syiar Islam
Bernama
08 November, 2012**

PASIR MAS, 8 Nov (Bernama) -- Kerajaan Kelantan pimpinan PAS yang dikatakan berteraskan kepada perjuangan Islam dilihat lebih kepada retorik politik dalam menegakkan syiar Islam dan membawa pembangunan kepada rakyat.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata walaupun negeri ini dipanggil Serambi Mekah dan PAS sudah 22 tahun memerintah negeri ini, masih banyak yang boleh dilakukan bagi tujuan tersebut tetapi tidak dilakukan oleh kerajaan negeri.

"Orang Kelantan boleh saksikan sendiri ia dibuat atau tidak, telah terbukti masih banyak yang boleh dilakukan di Kelantan tetapi tidak dilakukan oleh kerajaan negeri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Jamuan Rakyat 1Malaysia di Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Lubok Jong di sini, Khamis.

Turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Husin dan Ketua Umno Bahagian Rantau Panjang Datuk Abdullah Md Zin.

Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden Umno berkata tempoh 22 tahun memerintah negeri ini bukan suatu tempoh yang singkat tetapi tempoh yang panjang itu sepatutnya diisi dengan pelbagai perkara untuk meningkatkan syiar Islam dan kemajuan rakyat.

Beliau berkata usaha meningkatkan syiar Islam ini bukan sekadar lambang tetapi perlu diterjemahkan dengan pelaksanaan program dan inisiatif tertentu yang menunjukkan hakikat sebenar perjuangan dan ia mampu dirasai oleh rakyat.

Katanya manifestasi kesungguhan kerajaan Barisan Nasional (BN) meningkatkan syiar Islam dan membela nasib rakyat, memberi perubahan besar terhadap perkembangan Islam di negara ini serta taraf hidup rakyat yang lebih baik.

Katanya di samping kemajuan dalam bidang infrastruktur untuk kemudahan rakyat, kerajaan BN berjaya mengurangkan jumlah rakyat miskin melalui pelbagai program yang dilaksanakan.

"Apabila kita membuat perbandingan bukan dari segi politik sahaja tetapi rakyat hari ini hendak menilai sesuatu itu betul-betul diterjemahkan secara konkrit, rakyat nak rasa sendiri perubahan hidup," katanya.

Beliau mengajak rakyat Kelantan membuat perubahan dengan memberi mandat kepada BN untuk kembali memerintah negeri ini supaya apa yang tertinggal dalam tempoh 22 tahun itu dapat dilakukan oleh kerajaan BN yang berkeupayaan.

"Inilah (pilihan raya umum ke-13) peluang terbaik, 22 tahun bukan tempoh yang pendek. Saya di Johor menjadi Menteri Besar 9 tahun 6 bulan (13 Ogos 1986 hingga 6 Mei 1995), banyak benda boleh buat," katanya.

Beliau berkata kerajaan BN serius untuk melakukan perubahan sebagaimana yang dikehendaki rakyat Kelantan termasuk menyelesaikan masalah bekalan air bersih yang berlarutan sekian lama, dan semua perkara itu akan dimasukkan dalam manifesto BN dalam PRU Ke-13 bagi negeri ini.

Mengenai projek pembangunan yang melibatkan kerajaan Kelantan dengan syarikat swasta yang mendapat teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara 2011, Muhyiddin berkata kerajaan negeri perlu memastikan perjanjian yang dimeterai dipatuhi supaya kepentingan rakyat tidak terjejas.

Terdahulu semasa berucap, Muhyiddin mengingatkan Umno Kelantan supaya sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi PRU Ke-13, memperkukuhkan perpaduan, mendekati rakyat dan menyelesaikan masalah mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708012>